Oleh: Chow Heng Yee



SERDANG, 27 Okt – Pengorbanan ibu terlalu besar, dan kejayaan ini adalah hadiah untuk ibu, demikian kata graduan etnik Bajau Kagayan, Mohammad Rasdly Abdul Batin.

"Mak adalah idola utama dalam kehidupan saya," kata Mohammad Rasdly, dari Kampung Kobong Darat, Pulau Banggi, Sabah, yang memperoleh Bacelor Pendidikan (Sains Rumah Tangga) pada majlis Konvokesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) ke-42, hari ini.

Anak kedua daripada lapan beradik itu berkata bahawa pengorbanan ibunya yang berasal dari Filipina terlalu besar dan sudah 26 tahun berpisah dengan keluarga asal.

“Mak menjadi motivasi untuk saya belajar bersungguh-sungguh sehingga mendapat ijazah,” katanya.

Bagaimanapun kedua ibu bapanya tidak dapat hadir pada majlis konvokesyen itu.

Muhammad Rasdiy, pelajar lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) meletakkan UPM sebagai pilihan pertama untuk menyambung pelajaran dan tiga kali memohon untuk memasuki UPM.

Beliau mengucapkan terima kasih kepada UPM dan Pusat Zakat kerana membantunya dalam pelbagai aspek terutamanya kewangan.

Beliau juga membuat kerja sampingan untuk menampung kos kehidupan sepanjang pengajian selama empat tahun.

LIHAT JUGA



UPM dan Niigata University, Jepun anjur 2018 (/berita/upm_dan_niigata_university_jepu ac_isfa_2018-45979)



Model sistem DC konsep rumah pintar jim kos elektrik (/berita/model_sistem_dc_konsep_rumah_ matkan_kos_elektrik-45957)



UPM lancar buku ‘Pembangunan Kontem Orang Asli’ (/berita/upm_lancar_buku_pembangu temporari_orang_asli-45955)

pertanyaan selanjutnya

Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
1800 22 5587
+603 8948 7273
@ marketing@upm.edu.my (mailto:marketing@upm.edu.my)

B1543217100

Muhammad Rasdiy turut aktif sebagai alumni SMK Banggi, Kudat, Sabah dan mahu sentiasa berbakti kepada sekolah sebagai membalas jasa serta sebagai tanda penghargaan dan terima kasih terhadap pengorbanan guru-guru yang mendidiknya. - UPM



Tarikh Input: 21/11/2018 | Kemaskini: 21/11/2018 | hairul_nizam

**PERKONGSIAN MEDIA**



**HUBUNGI KAMI**

**Universiti Putra Malaysia**
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

1800 22 5587

+603 8948 7273

marketing@upm.edu.my



© 2018 Universiti Putra Malaysia



B1543217100

B1543217100